



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

CADANGAN KERJA-KERJA MENYEDIA, MENCETAK DAN MENGHANTAR SIJIL GRADUAN BAGI MAJLIS KONVOKESYEN PERDANA INSTITUSI PENDIDIKAN MARA (KKT, KPM, MJII DAN IKM) 2024

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TAKLIMAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
086/2024/0011	221607	TIADA	01/04/2024 hingga 08/04/2024	RM5.00	18/04/2024 Hari Khamis (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal Bumiputera hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

- i) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang, 2.00 petang - 4.30 petang, Hari Isnin - Hari Khamis), (8.30 pagi - 12.45 tengahari, 2.45 petang - 4.30 petang, Hari Jumaat) di alamat seperti di atas. Dokumen sebut harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

4. Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA yang dibenarkan membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.

5. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara BANK DRAF/DEBIT CARD/KIRIMAN WANG atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) serta melalui <https://bayar.maraeps.my> . Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen Sebutharga bagi setiap Sebutharga dan mengemukakan (1) tawaran Sebutharga sahaja.

6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di pejabat :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>